

LATIHAN PdPR TAHUN 6 30 Jun 2021

Tema 3 : Komuniti Prihatin

Unit 9 : Perkongsian Pintar / Buku Teks m/s 47

Menulis Dialog

Bekerjasama demi Kecemerlangan

Sumbangan Agensi Kerajaan dan Swasta kepada Sekolah

bank: kewangan

polis: keselamatan

hospital: perkhidmatan kesihatan

universiti: bimbingan dan motivasi pembelajaran

media massa: bahan bacaan

automobil: bantuan persekolahan

Amar : Tahukah kamu bahawa agensi kerajaan dan swasta dapat bekerjasama dengan pihak sekolah?

Wei Chuan: Ya, saya tahu. Kerjasama bagai aur dengan tebing ini merupakan satu langkah bijak.

Imran : Benar, Wei Chuan. Menerusi bantuan yang dihulurkan, agensi kerajaan dan swasta dapat meringankan beban yang digalas oleh pihak sekolah. Bak kata pepatah, “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”.

Amar : Apakah bentuk bantuan yang dapat disumbangkan oleh pihak tersebut kepada pihak sekolah? Boleh berikan contoh kepada saya?

Wei Chuan: menabur bakti setulus hati

Imran : bulat kata menghulurkan tangan

Lengkapkan dialog tersebut dengan jawapan yang sesuai. Setelah melengkapkan jawapan, sila baca dan rakam dialog tersebut. Hasil rakaman suara akan saya gunakan untuk pelaporan PBD mendengar dan bertutur.

Sambungan dialog :

Wei Chuan :	
Imran :	
Wei Chuan :	
Imran :	
Amar :	

Banyak sumbangan yang diberikan oleh pihak kerajaan dan swasta demi kecemerlangan sekolah. Sebagai contohnya, pihak bank dan syarikat automobil dengan setulus hati telah memberi bantuan kewangan dan bantuan persekolahan kepada murid-murid miskin.

Begitu juga pihak polis yang ikhlas menabur bakti mengawal keselamatan lalu lintas manakala pihak hospital pula turun padang ke sekolah untuk memberi perkhidmatan kesihatan secara percuma.

Sudah banyak program bimbingan dan motivasi pembelajaran yang telah dianjurkan oleh mereka. Sumbangan mereka boleh membuka minda murid.

Setiap bulan pihak sekolah menerima tajaan majalah sebagai bahan bacaan tambahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jika pihak kerajaan dan swasta bulat kata bekerjasama demi kecemerlangan sekolah, saya pasti kejayaan gemilang akan dapat dicapai.